



# KENYATAAN MEDIA

**SEGERA**

## PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL DAN KORPORAT

**KUALA KRAI, 29 Februari 2016** - Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dengan kerjasama Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) telah melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial dan Korporat CSR di SMK Sultan Yahya Petra 1, iaitu antara sekolah yang terlibat dengan bencana banjir pada penghujung tahun 2014.





Pada 7 Mei 2015 yang lalu, LLM kali pertamanya telah memberi sumbangan sebanyak 65 unit komputer desktop terpakai secara hadiah bagi kegunaan pembelajaran dan latihan kepada sekolah SMK Sultan Yahya Petra 1. Ianya sebagai kemudahan kepada para pelajar untuk mendapatkan maklumat dan bahan-bahan ilmiah yang diperlukan dalam pembelajaran kerana setiap komputer diberi akses internet.

Kesinambungan kepada program CSR tersebut, LLM bersama-sama PSKLM kali ini telah menyampaikan sumbangan 67 unit perabot dan kelengkapan pejabat terpakai yang terdiri antaranya, meja komputer, kerusi, rak fail, kerusi settee. Selain itu, pada hari ini juga seramai 80 orang pelajar terpilih telah menerima sumbangan berjumlah RM100 dalam bentuk penyaluran peruntukan ke akaun Kedai Asrama sekolah bagi memudahkan pelajar mendapatkan keperluan buku dan peralatan sekolah. Di samping itu, Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) Sdn.Bhd. (DUKE) juga turut menyumbangkan 3 unit komputer riba bagi kegunaan para pelajar. Pihak sekolah juga turut menerima sejadah, Al-Quran dan Yassin sumbangan daripada Konsortium Expressway Shah Alam Selangor Sdn Bhd (KESAS).

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran | Lembaga Lebuhraya Malaysia**

- : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 3049 / 2693 / 2515 |  : 03-87383555
- Laman Web : [www.llm.gov.my](http://www.llm.gov.my) |  Lembaga Lebuhraya Malaysia |  @LLMinfotrafik |  aduan@llm.gov.my

Selain SMK Sultan Yahya Petra 1, pada hari ini SK Sultan Yahya Petra 1 juga telah dipilih bagi menerima sumbangan berupa 2 komputer riba daripada DUKE serta sejadah, Al-Quran dan Yassin daripada KESAS.

Program CSR sebegini diwujudkan atas dasar untuk membantu dan memberi sumbangan kepada golongan kurang bernasib baik dengan harapan sedikit sebanyak meringankan beban dan kesusahan yang ditanggung walaupun mereka berada jauh di kawasan jajaran lebuh raya. Sepanjang pelaksanaan CSR selama 5 tahun bermula 2011, LLM dan PSKLM telah menyampaikan sumbangan kepada pelbagai golongan penerima antaranya bantuan banjir kepada sekolah di Kedah, rumah jagaan golongan kurang upaya di Kedah dan Johor, program gotong-royong perkampungan orang asli dan taman tasik awam di Selangor, rumah jagaan warga emas di Selangor dan Melaka, rumah jagaan anak yatim di Pahang dan Negeri Sembilan serta keluarga berpendapatan rendah di Johor dan Perak. Di samping itu, tiga program kembali ke sekolah atau Back to School juga telah berjaya dilaksanakan sebelum ini iaitu di Gambang, Kuantan, Teluk Intan, Perak dan Kulim, Kedah.

Adalah diharapkan dengan sumbangan pada hari ini, ianya memberi keceriaan di samping membantu keluarga pelajar serta berupaya menjalin perhubungan dengan pelbagai pihak. Sumbangan telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Ir. Hj. Ismail Bin Md. Salleh, Ketua Pengarah bersama Ir. Sazally Bin Saidi, Timbalan Yang Dipertua, PSKLM. Turut hadir bersama Timbalan Ketua Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Krai, pengurusan LLM, wakil dari PSKLM dan guru serta warga SMK Sultan Yahya Petra 1.





## **KETUA PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

**29 FEBRUARI 2016**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran | Lembaga Lebuhraya Malaysia**

- : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 3049 / 2693 / 2515 |  : 03-87383555
- Laman Web : [www.llm.gov.my](http://www.llm.gov.my) |  Lembaga Lebuhraya Malaysia |  @LLMinfotrafik |  [aduan@llm.gov.my](mailto:aduan@llm.gov.my)